



KENANGAN: Awangku Hassanal (kanan) bersama Dr Kasim (dua kanan) selepas menandatangani surat niat bersama JCU secara dalam talian.

UMS, JCU Australia kerjasama pulihkan pelancongan budaya

UB 22.06.2022 P.02

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kolej Perniagaan, Undang-undang dan Governan, James Cook University (JCU), Australia akan memulakan kerjasama yang menghubungkan inisiatif pelancongan budaya di Australia, Malaysia, Indonesia, dan Filipina melalui siri seminar serta bengkel perkongsian pengalaman.

Seminar tersebut dijangka memberi ruang kepada Malaysia, Australia, Indonesia dan Filipina dalam menyesuaikan diri serta bertindak balas terhadap pandemik COVID-19, selain membentuk kapasiti lebih besar dalam meremajakan pelancongan budaya pascapandemik.

Hasil utama projek ini adalah untuk tapak pelancongan budaya mengadaptasi dengan norma baharu, mempelbagaikan aktiviti ekonomi mereka dan berinovasi untuk memberi manfaat kepada komuniti mereka dan terutamanya kepada golongan wanita serta belia.

Ketua Program Pengurusan Pelancongan FPEP, Profesor Madya Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul, berkata siri seminar yang bakal diadakan itu mendapat pembiayaan daripada Geran Majlis Australia-ASEAN di bawah Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Australia dengan jumlah keseluruhan sebanyak AUD\$81,000.

“Ini adalah salah satu projek penting bagi FPEP dan diharap kolaboratif antara-bangsa seperti ini akan membantu Program Pelancongan di UMS mencapai status teratas dalam ranking subjek pelancongan di Malaysia.

“Saya sangat teruja terha-

dap impact melalui projek ini yang pasti akan menyumbang kepada peningkatan pelancongan kebudayaan bukan sahaja di Sabah tetapi di negara ASEAN yang lain,” katanya.

Katanya, tarikh penganjuran seminar tersebut akan diperhalusi sebelum mendapat persetujuan oleh pihak penganjur.

Sementara itu, ketua projek kerjasama James Cook University, Dr. Denis Tolkach berkata, projek berkenaan bukan sahaja akan membangunkan kapasiti inisiatif pelancongan budaya pascapandemik, malah ia akan membawa kepada perancangan untuk mewujudkan hubungan antara institusi pendidikan tinggi serta organisasi pelancongan di Malaysia, Filipina, Indonesia dan Australia.

“Kerjasama yang akan dijalankan ini diharap dapat mempromosikan pelancongan dengan lebih giat dan lestari di negara-negara ASEAN serta Australia,” katanya.

Kerjasama UMS dan JCU kali ini merupakan kesinambungan kepada surat niat yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada September 2021 bagi meneroka projek pemulihan pelancongan budaya dan penganjuran seminar pemasaran pelancongan budaya.

Surat niat tersebut telah ditandatangani oleh mantan Dekan FPEP UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Md. Mansur bersama Dekan Kolej Perniagaan, Undang-undang dan Governan JCU, Prof. Stephen Boyle.

Selain JCU, FPEP telah menjalin bekerjasama di peringkat global bersama beberapa rakan universiti dari negara Jerman, Jepun dan Indonesia.